

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

FATWA AJARAN MERAGUKAN AZMAN BIN SAMAT

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Bahawa ajaran yang dibawa oleh Azman Bin Samat seorang warganegara Singapura yang digelar Raden Wajayuju Kusumo / rabb / alhaq adalah ajaran sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam. Antara ciri-ciri kesesatan dalam ajaran ini:
 - i. Mengakui diri sebagai “rab” yang membawa maksud “raja” dan menyatakan bahawa “rab” dan Allah tidak sama, Allah ialah tuhan, manakala rab ialah raja.
 - ii. Menurut ajaran ini, “rab” itu nyata, dialah dari keturunan anak cucu cicit adam, jika kamu kata “rab” itu Allah, makanya itu telah mempersekutukan Allah.
 - iii. Menolak hadis-hadis nabi dengan menyatakan bahawa memadai dengan membaca dan memahami al-quran terjemahan secara perkata sahaja tiada yang lain.
 - iv. Menolak Asma’ Al-husna dan menyatakan bahawa nama Allah hanyalah “Allah” tidak ada yang lain dan menyatakan siapa yang memuji dan meminta kepada 99 nama Allah telah melakukan perbuatan menyekutukan Allah.
 - v. Membaca surah al-fatihah dengan bacaan perkataan demi perkataan bukan secara bersambung kerana menurutnya jika salah bacaan umpama kita panggil Jin atau Syaitan.
2. Justru, ajaran yang dibawa oleh Azman Bin Samat ini hendaklah disekat dengan apa cara sekalipun daripada disebar di negeri Johor Darul Ta’zim.

3. Mana-mana orang Islam hendaklah menjauhi ajaran yang dibawa oleh Azman Bin Samat ini dan dilarang daripada berpegang, mempercayai, menyebarkan, mengamalkan dan mendapatkan rawatan perubatan dari perkhidmatan perubatan atau apa-apa aktiviti lain yang ditawarkan oleh pengamal ajaran ini. Mana-mana orang Islam yang telah terlibat dengan ajaran yang dibawa oleh Azman Bin Samat ini hendaklah bertaubat.

Bertarikh 16 Jamadil Awal 1443 / 21 Disember 2021

[JM].351/04/01/6/57; PPUUN].(R).600-1/5/8(30)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD

Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*